

28 SEP 1997

Asean-kereta api

LAPORAN KAJIAN PROJEK KERETA API UNTUK PEMIMPIN ASEAN

PETALING JAYA, 28 Sept (Bernama) -- Malaysia akan mengemukakan laporan mengenai kajian kemungkinan projek kereta api trans-Asia kepada ketua-ketua kerajaan Asean yang akan bertemu di Kuala Lumpur Disember ini.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata laporan mengenai aspek ekonomi dan teknikal projek itu akan bentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Perdana Menteri akan menyakinkan pemimpin-pemimpin Asean mengenai kelebihan projek itu," katanya kepada pemberita selepas menghadiri jamuan tengah hari bersama-sama 30 kanak-kanak dari Kumpulan Seni Kanak-kanak Korea di di sini hari ini.

Kanak-kanak berumur antara lapan tahun dan 14 tahun itu berada di sini sebagai usaha menjalin persahabatan dan perpaduan dengan negara-negara lain di dunia selain untuk mendapatkan bantuan bagi kanak-kanak Korea Utara yang diancam.

Projek kereta api Trans-Asia yang dijangka merangsang pembangunan ekonomi di rantau ini, akan bermula dari Singapura menerusi Semenanjung Malaysia dan terus ke Bangkok, melalui negara-negara Indocina sebelum berakhir di Kunming, China.

Ling berkata beliau akan mempengerusikan mesyuarat dua hari berhubung projek itu dengan melibatkan pakar dari konsortium bagi projek itu bermula esok.

Pakar-pakar itu telah mengumpulkan banyak maklumat mengenai landasan kereta pi di Myanmar, Kemboja dan Thailand bagi mengenal pasti semua masalah yang wujud.

Projek kereta api Trans-Asia diluluskan pada sidang kemuncak ketua-ketua kerajaan Asean di Bangkok tahun lepas dan Malaysia telah dilantik sebagai penyelarasnya. -- BERNAMA

RA NN MAI